



## “YANG DIPERTUAN AGONG PAYUNG AGAMA ISLAM”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ  
فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً <sup>صَلِّ</sup> قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا  
وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ  
إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ  
وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ  
أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ،  
أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ  
اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ  
وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



## **Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah.**

Saya berpesan kepada diri saya disamping menyeru kepada para jemaah yang dikasihi sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Sesungguhnya orang-orang yang termulia di sisi Allah SWT ialah orang yang paling bertaqwa. Istiqamahlah kita dengan mengamalkan segala syariat Allah SWT dan sunnah Rasulullah SAW. Dengan menta'ati Allah dan Rasul-Nya, insyaAllah kita akan dirahmati dan diredhai oleh Allah SWT dan akan beroleh keberkatan di dunia dan kemuliaan di akhirat nanti.

Pada hari yang penuh keberkatan marilah sama-sama kita hayati khutbah bertajuk "***YANG DIPERTUAN AGONG PAYUNG AGAMA ISLAM***".

## **Sidang jumaat yang dikasihi sekalian,**

Sistem Raja berperlembagaan telah mengiktiraf Raja sebagai ketua Negara yang diberi gelaran sebagai Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang dipilih oleh Majlis Raja-Raja mengikut giliran setiap lima tahun. Yang Dipertuan Agong adalah ketua agama Islam bagi negeri-negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak dan Wilayah-wilayah Persekutuan. Manakala Raja-raja Melayu dan Yang di-Pertuan Besar di sembilan buah negeri telah diberi kuasa untuk memelihara keistimewaan dan adat istiadat orang Melayu dan pentadbiran Agama Islam di negeri masing-masing.

Sesungguhnya peranan Yang Dipertuan Agong berserta Majlis Raja-raja amat penting dalam menjaga dan memastikan agama Islam dihayati dan diamalkan dengan sempurnanya di Negara ini. Kenyataan ini selaras dengan kehendak Perlembagaan dan kontrak sosial yang telah dipersetujui antara berbagai bangsa telah mengikat persetujuan terhadap isu pokok ini.



Sesungguhnya semua bangsa telah mengikat persetujuan terhadap isu pokok ini. Sepatutnya tiada lagi pertikaian terhadap perkara ini. Sebab itu dalam perlembagaan dinyatakan bahawa Islam adalah agama bagi persekutuan. Generasi selepas merdeka kena diberi pengetahuan dan kefahaman tentang perkara ini supaya Negara akan sentiasa aman, tenteram, harmoni dan stabil.

Selaku ketua agama Islam, Yang Dipertuan Agong memang punya peranan penting dan penentu dalam memastikan agama Islam sentiasa terpelihara dan terjaga dari segala anasir yang boleh menggugat kemuliaannya. Tanggungjawab ini terpikul di atas institusi Raja Berperlembagaan kerana ketika mengangkat sumpah memegang jawatan sebagai Yang Dipertuan Agong telah melafazkan sumpah yang sebahagiannya adalah seperti berikut;

***"Wallahi; Wabillahi; Watallahi; maka dengan lafaz ini berikrarlah kami dengan sungguh-sungguh dan dengan sebenarnya mengaku akan taat setia menjalankan fungsi Yang Dipertuan Agong yang telah ditetapkan dan yang akan ditetapkan pada suatu masa ke suatu masa yang ke hadapan ini oleh undang-undang dan Perlembagaan Malaysia".***

Dengan lafaz sumpah tersebut menjadi tanggungjawab Yang Dipertuan Agong untuk melakukan tugas dan tanggungjawab secara jujur, amanah dan adil mengikut perintah Allah. Oleh yang demikian adalah menjadi kewajipan pula kepada sekalian rakyat untuk mentaati Ketua demi untuk menjaga keselamatan, menjamin ketenteraman dan mengekalkan kestabilan pentadbiran demi mencapai kemajuan Negara.

Berdasarkan kepada lafaz sumpah tersebut bertujuan untuk memperkasa maqasid syariah iaitu untuk memelihara lima perkara utama iaitu;

1. Menjaga agama,



2. Menjaga diri (nyawa) / jiwa,
3. Menjaga aqal,
4. Menjaga maruah / keturunan dan
5. Menjaga harta.

### **Sidang Jumaat Yang di Rahmati Allah,**

Islam diturunkan kepada umat manusia untuk mewujudkan keadilan, kejujuran, ketelusan, keikhlasan dan ketaqwaan kepada Allah SWT. Kerana itu jugalah Allah SWT, menurunkan ratusan ribu para rasul dan nabi yang diamanahkan membawa risalah dan melakukan praktik amali, bagaimana melaksanakan konsep mentaati ketua atau *ulil'amri* menurut peraturan syarak.

Ketaatan kepada Ketua Negara yang sentiasa mengajak kepada kebaikan adalah wajib hukumnya demi untuk melangsungkan misi dan visi bagi melahirkan ***baldatun taiyibatun warabbun ghaffur.***

Imam as-Sayuti Rahimahumullah menukilkan dalam kitab al-Jami' al-Saghir bahawa Anas B. Malik RA memberitahu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

السُّلْطَانُ ظِلُّ اللَّهِ فِي الْأَرْضِ، فَإِذَا دَخَلَ  
أَحَدُكُمْ بَلَدًا لَيْسَ بِهِ سُلْطَانٌ فَلَا يُقِيمَنَّ بِهِ

*“Sultan adalah bayangan Allah dibumi. Jika seseorang kamu memasuki sesuatu negeri yang tiada sultan padanya, janganlah dia tinggal dalamnya”.*

*(Riwayat ad-Dailami).*

Ungkapan ini hendaklah dilihat dalam konteks bahawasanya Raja adalah tempat bernaung yang teduh apabila Raja melaksanakan keadilan syariat Islam.



Sesungguhnya Raja adalah wakil atau khalifah di bumi yang kuasanya disandarkan kepada syariat. Kemuliaan Raja dinilai dari sudut keupayaannya melaksanakan tanggung jawab Ilahi. Konsep atau gelaran ini juga dipakai oleh raja-raja Islam di luar alam Melayu termasuk khalifah Bani 'Abbas. Malahan konsep ini juga terdapat dalam karya ketatanegaraan ulama dunia seperti dalam **Nasihah al-Muluk** oleh Abu Zayd al-Balakhij.

Dalam hubungan ini diantara khalifah unggul yang sering dirujuk selaku salah seorang ketua atau pemerintah tertinggi yang sangat takut kepada Allah SWT dan berjaya mentadbir Negara dengan adil dan sejahtera berdasar syariat ialah khalifah Umar Bin Abdul Aziz. Beliau pernah berkata;

*"Sesungguhnya tidak akan ada keselamatan bagi seseorang yang menyalahi sunnah dan tidak boleh patuh dan tunduk terhadap sesiapa pun yang mengajak kepada kemaksiatan terhadap Allah SWT."*

Antara sifat-sifat unggul yang beliau miliki ialah;

1. rasa teramat takut kepada Allah swt,
2. zuhud,
3. tawaduk,
4. warak,
5. santun dan pemaaf,
6. sabar dan tabah,
7. adil,
8. tegas dan berhikmah serta ke
9. banyak berdoa.



Dengan memiliki ramuan sifat-sifat unggul tersebut, beliau telah mendapat pertolongan Allah swt dan berjaya mewujudkan pemerintahan yang adil dan mensejahterakan umat.

Ketika khalifah Umar Abdul Aziz memerintah, beliau telah menentukan kriteria memilih sahabat dalam membantu menyempurnakan tugas dan tanggung jawabnya;

*"Sesiapa pun di antara kalian boleh bersahabat dengan ku asal dapat memenuhi lima syarat, iaitu:*

- 1. ia harus membimbingku dalam menegakkan keadilan,*
- 2. membantuku melakukan kebajikan,*
- 3. menjadi perantaraan menyampaikan hajat orang tertentu kepada ku,*
- 4. tidak mengata sesiapa dihadapanku dan*
- 5. mahu membantuku menyampaikan amanat kepada rakyat.*

*Jika memilih kelima-lima syarat tersebut bersahabatlah denganku secara rapat, jika tidak, sebaiknya ia menjauhi daripadaku".*

Malahan beliau amat beruntung kerana para ulama di zaman pemerintahannya bersikap dengan tegas, ikhlas dan jujur sentiasa menasihatinya dan beliau pula sentiasa mahu mendengar dan mengikuti nasihat para ulama; misalnya Hasan al-Basri pernah menasihatkan khalifah dengan berkata;

*"Wahai Amirul Mukminin! Jika tuan istiqamah, berpendirian teguh dengan kebenaran Islam, maka mereka (pegawai dan rakyat) juga akan beristiqamah. Tetapi jika tuan menyimpang, mereka juga akan menyimpang".*



Inilah ramuan kejayaannya ketika mentadbir dan mengurus kerajaan. Jadi, amatlah jelas bahawa demi memastikan Islam sentiasa berada dipuncak kemuliaan di Negara ini maka Yang Dipertuan Agong memang mempunyai peranan yang paling utama. Sehubungan dengan itu para menteri, pegawai dan rakyat pula mestilah sentiasa memberikan kerjasama seutuhnya dalam membantu Yang Dipertuan Agong mentadbir pengurusan hal ehwal Islam supaya dapat dilaksanakan dengan penuh hikmah, teratur dan memberikan kebaikan kepada masyarakat seluruhnya.

Hadis daripada Ibnu Abbas RA bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud;

*"Dua golongan daripada manusia, apabila baik kedua-duanya, baiklah seluruh manusia, dan apabila rosak kedua-duanya, rosaklah seluruh manusia, itulah ulama dan umara".*

*(Riwayat ad-Dailami).*

Maka jelaslah bahawasanya Yang Dipertuan Agong dan sultan memang menjadi payung kepada agama Islam berdasarkan institusi Yang Dipertuan Agong selaku Ketua kepada pelaksanaan pengurusan hal ehwal Islam. Oleh yang demikian mimbar mengajak;

1. Umat Islam hendaklah sentiasa memberi sepenuh ketaatan kepada Yang Dipertuan Agong dan sultan dalam menjayakan usaha memartabatkan pelaksanaan syariat Islam,
2. Umat Islam hendaklah sentiasa mewujudkan kerjasama, persefahaman, perpaduan demi mengembalikan kegemilangan Islam di Negara ini,



3. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa kejayaan hakiki mewujudkan kedaulatan Islam ialah apabila kita berjaya menyepadukan setiap aspek dan keperluan kehidupan dilaksanakan berdasar kepada syariat Islam,
4. Umat Islam hendaklah menyumbang usaha, tenaga dan fikiran yang termampu bagi menjayakan tujuan untuk memayungi dan mempertahankan ketinggian Islam, dan
5. Umat Islam hendaklah berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk memartabatkan dan meletakkan keunggulan enakmen jenayah syariah sebagai penyempurnaan kepada usaha meletakkan Islam di persada kecemerlangannya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُونُوا قَوَّامِينَ لِلَّهِ شُهَدَاءَ  
بِالْقِسْطِ وَلَا يَجْرِمَنَّكُمْ شَنَاٰنُ قَوْمٍ عَلَىٰ ءَلَّا تَعْدِلُوا  
أَعْدِلُوا هُوَ أَقْرَبُ لِلتَّقْوَىٰ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ  
بِمَا تَعْمَلُونَ

*"Wahai orang-orang Yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang Yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa. dan*





bertaqwalah kepada Allah, Sesungguhnya Allah Maha mengetahui Dengan mendalam akan apa Yang kamu lakukan”.

(Surah al-Maidah : 8).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ  
فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan bahawa Islam mengajar umatnya supaya bersikap sederhana dalam segala amalan dan tindakan. Pada masa yang sama umat Islam disaran supaya menjauhi sebarang bentuk perbuatan ekstremis yang kesannya akan menjejaskan keharmonian, perpaduan, keselamatan ummah dan Negara. Tindakan ekstremis juga boleh memberikan tanggapan negatif terhadap kesucian dan kemuliaan agama islam. Sebaliknya seluruh umat islam amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi sebagai muslim sejati agar



umum mengetahui bahawa Rasulullah SAW diutus dan Islam yang diperjuangkan adalah rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا  
الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ  
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.  
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ  
الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ



سَلَاغُور، سُلْطَانُ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانُ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اَللّٰهُمَّ اَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ  
سَلَاغُور، تَعَكَوْ اَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانِ شَرَفِ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِيْ اَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنَّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْاِكْرَامِ. اَللّٰهُمَّ اَطْلِ  
عُمَرَهُمَا مُصْلِحِيْنَ لِلْمُوظَّفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،  
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam khususnya negeri Selangor, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami, kukuhkanlah perpaduan kami, luaskanlah rezeki



kami, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, kembalikanlah kami ke jalan yang Engkau redhai, lindungilah kami daripada bala bencana dan ujian-Mu yang berat supaya dengan demikian, negeri kami akan sentiasa bertambah makmur dan berkat.

Ya Allah, kami pohon kehadiranmu, mantapkanlah pegangan kami menurut ajaran Ahli Sunnah Waljamaah dan peliharalah kami daripada amalan dan akidah yang menyeleweng dan sesat seperti fahaman Syiah, Qadyani serta lain-lain fahaman.

Ya Allah, bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat dan kefarduan yang lain. Berkatilah hidup orang-orang yang melaksanakan zakat dan menyayangi fakir miskin serta mereka yang menginfakkan harta untuk Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor (TAPIS) dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

Demikian juga ya Allah, tambah dan luaskanlah rezeki orang yang mewakafkan hartanya, terimalah wakaf mereka dengan ganjaran pahala yang berkekalan hingga ke hari akhirat.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ  
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي



الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ  
يُعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.